

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**PPK 201 - Pengesanan, Diagnosis Dan Penilaian  
Kanak-Kanak Khas**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:** Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pilihan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Pilih **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Apakah maksud dan tujuan penilaian pengesanan dan penilaian diagnosis? Terangkan teknik-teknik yang digunakan untuk menjalankan penilaian pengesanan dan penilaian diagnosis bagi kanak-kanak berkeperluan khas.  
(25 markah)
  
2. Bincangkan prinsip-prinsip utama dalam enam model penilaian. Huraikan jenis-jenis penilaian yang harus dijalankan oleh guru ke atas seseorang pelajar berkeperluan khas.  
(25 markah)
  
3. Pilih **DUA (2)** ketidakupayaan berikut dan senaraikan ciri-ciri ketidakupayaan itu.
  - a) Ketidakupayaan Perhatian dan Hyperaktif (ADD/ADHD).
  - b) Ketidakupayaan Percakapan dan Bahasa.
  - c) Dyslexia.
  - d) Autisme.  
(25 markah)
  
4. Untuk mengesan ketidakbiasaan (abnormality) dalam perkembangan kanak-kanak, seseorang guru harus memahami tahap perkembangan yang biasa (normality). Bincangkan aspek-aspek perkembangan kanak-kanak biasa. Huraikan sebab-sebab seseorang guru perlu menggunakan ujian perkembangan.  
(25 markah)
  
5. Anda telah mengesan seorang pelajar berkeperluan khas dalam kelas tadika anda. Sebelum membuat cadangan kepada ibu bapa tentang penempatan pelajar tersebut diperingkat Darjah Satu, anda harus menjalankan beberapa ujian pencapaian. Apakah maksud penilaian pencapaian ini? Terangkan kriteria dalam penilaian membaca, penilaian menulis, dan penilaian mengira bagi pelajar tersebut.  
(25 markah)
  
6. Bincangkan aspek-aspek tingkah laku yang harus di kuasai oleh kanak-kanak berkeperluan khas untuk berjaya dalam kelas integrasi/inklusif. Terangkan tindakan yang boleh diambil untuk membantu kanak-kanak menguasai tingkah laku tersebut.  
(25 markah)